

# Malaysia faham sebab 4 ketua negara tak hadir Sidang K-15

11 *over the hills -*

20 NOV 1991

Daripada  
Suhaimi Mokhtar

CARACAS 27 Nov. — Malaysia memahami sebab ketidakhadiran beberapa orang ketua negara di Persidangan Kemuncak K-15 Kedua yang bermula di ibu negara Venezuela ini hari ini.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir yang menjadi penggerak utama K-15 menyatakan demikian kepada wartawan-wartawan Malaysia di sini hari ini.

Katanya, mereka yang tidak dapat hadir tentu mempunyai masalah, walaupun ada di kalangan mereka yang ingin hadir.

"Kita juga mungkin satu hari nanti tidak dapat hadir kerana sebab-sebab tertentu, misalnya jika kita kebetulan mengadakan pilihanraya pada tarikh persidangan kemuncak itu tentulah kita tidak dapat hadir," tambahnya.

Perkara ketidakhadiran empat orang ketua negara iaitu dari Mesir, Brazil, Nigeria dan Yugoslavia telah menimbulkan spekulasi bahawa ada negara-negara yang kehiangan minat dengan K-15 atau kerana tekanan kuasa-kuasa tertentu.

Dengan kenyataan Dato' Sri Dr. Mahathir ini maka keraguan yang timbul tidak berasas sama sekali dan negara-negara K-15 berpuashati dengan kehadiran 11 orang ketua negara, melebihi dua yang hadir di kemuncak pertama di Kuala Lumpur.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir bahawa bukanlah mudah untuk mencari masa yang sesuai untuk membolehkan semua seramai 15 orang ketua negara K-15 hadir kerana kesibukan tugas dan masalah yang masing-masing hadapi.

Adalah menjadi peraturan Persidangan Kemuncak K-15 seperti yang diputuskan di Kuala Lumpur bahawa tiap negara hanya diwakili oleh ketua negara masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, kunjungan Butros Ghali, Naib Presiden Mesir hanya kunjungan muhibah men

LIHAT MUKA 2

## SEBAB 4 KETUA NEGARA TAK HADIR

*Alien sebab tidak dapat hadir*  
jelas sebab tidak dapat hadir di Persidangan Kemuncak K-15.

Presiden Mesir itu juga tidak hadir di persidangan kemuncak pertama di Kuala Lumpur tahun lalu.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Presiden Hosni Mubarak tidak dapat hadir kerana masalah dan perkembangan di Timur Tengah sekarang.

Mengenai kehadiran ahli perniagaan dan usahawan di persidangan kemuncak yang merupakan elemen unik dalam pertumbuhan K-15, beliau menjelaskan bahawa kehadiran mereka adalah kerana mereka mempunyai acara untuk menemui rakan sejawat mereka dari negara - negara K-15 yang lain.

Ahli-ahli perniagaan negara-negara anggota K-15 membentuk apa yang dinamakan forum usahawan untuk berbincang sesama mereka bagi mencari peluang perdagangan dan ekonomi dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dua hala dan pelbagai hala.

Kehadiran ahli-ahli perniagaan Malaysia ialah

untuk menemui rakan sejawat mereka dan berbincang bagi meningkatkan hubungan perdagangan.

Sebagai ahli pemiagaan mereka ingin tahu dengan jelas dasar perdagangan dan perusahaan di Venezuela dan bagaimana untuk meningkatkan jumlah perdagangan antara negara anggota.

Menurut Perdana Menteri, usaha kerajaan mengadakan pelbagai kemudahan bagi menggalakkan perdagangan dengan melahirkan iklim yang baik dalam sistem pasaran bebas menjadi sia-sia sahaja, jika pihak swasta tidak berperanan.

Kehadiran ahli-ahli perniagaan adalah untuk mengisi peranan itu dan bukanlah untuk berehat atau makan angin tetapi untuk menjalankan urusan perniagaan, tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Sebelumnya, ahli-ahli perniagaan Malaysia yang terdiri dari tokoh-tokoh korporat terkemuka mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri tentang hasil perbincangan mereka dengan rakan-rakan ahli-ahli perniagaan dari pelbagai negara K-15 yang berhimpun di sini sejak beberapa hari lalu.